

## — BULETIN —

## PERPUSTAKAAN

[ EXCLUSIVE IN THIS ISSUE ]

- 1. Pemasyhuran PRSZ
- 2. Library Latest Info
- 3. Library Activities
- 4. UTM-IR Ranking
- 5. K-Sharing Programme



## PERPUSTAKAAN RAJA ZARITH SOFIAH BERKONSEPkan PENYELIDIKAN BERTARAF DUNIA

Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Iskandar Sultan Ibrahim, telah berkenan memasyhurkan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah (PRZS) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang merupakan sebuah perpustakaan penyelidikan bertaraf dunia pada 30 September 2014.

Majlis yang telah berlangsung di Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah telah diserikan lagi dengan tayangan video korporat perpustakaan dan gimik pemasyhuran. Tunku Idris Iskandar Sultan Ibrahim, turut perkenan

menurunkan tandatangan di plak yang telah disediakan sebagai simbolik pemasyhuran.

Turut hadir dalam majlis pemasyhuran tersebut ialah Naib Canselor UTM, Y. Bhg. Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid Omar; Y. Berhormat Dato' Abdul Rahim Ramli (Karyawan Tamu UTM), YB Dato' Dr. Muhammad Ridzuan Haji Salleh (Ahli Lembaga Pengarah Universiti), Ketua Pustakawan Perpustakaan UTM, Pn. Kamariah Nor Mohd Desa, Pegawai Kanan Universiti Teknologi Malaysia, staf

dan para pelajar UTM. Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, Universiti Teknologi Malaysia merupakan sebuah perpustakaan penyelidikan yang dibangunkan di bahagian barat daya tapak Universiti Teknologi Malaysia berhampiran kira-kira 1 km dari pintu masuk kedua Universiti dan 3 km dari pintu masuk utama Universiti.

[bersambung ke mukasurat 3]

# PELANCARAN BUKU

## ADAT ISTIADAT KESULTANAN JOHOR MODEN 1855-2012

Buku hasil karya YB Dato' Abdul Rahim Bin Ramli yang merupakan Karyawan Tamu UTM bertajuk 'Adat Istiadat Kesultanan Johor Moden, 1855-2012' telah dilancarkan sempena Pemasyhuran Perpustakaan Raja Zarith Sofiah pada 30 September 2014.

Buku ini mendokumentkan susur galur Kesultanan Johor bertujuan sebagai bahan rujukan yang sahih untuk penyelidikan dan juga pengetahuan generasi akan datang. YB Dato' Abdul Rahim Ramli dalam ucapan aluannya telah memberikan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan buku yang penuh bermakna ini. Beliau juga merupakan Pemenang Anugerah Perdana Kategori Buku Warisan Sejarah di Malam Anugerah Buku Negara 2013.



## EDITORIAL

### Patron:

Kamariah Nor Mohd Desa

### Editor-In-Chief:

Noraziah Sharuddin

### Editor:

Salina Shamshuri

### Editorial Team:

Mohd Razib Karno, Junaidah Abdullah, Nor Hafiza Daud Kaiyin, Noraini Yahya, Nor Ayesha Mohd Ezanee

### Circulation:

Sapuan Jamjuri, Mohd Nizam Hashim, Faridah Patoni, Mohd Firdauz Kusnini

### Photography:

Wan Jamal Mohd Ariff

Buletin Perpustakaan is produced quarterly in print and online.

Copyright @ 2014

Please let us know your views!

**Telephone:** +607-5530109

**Email:** salinasham@utm.my

**Web:** library.utm.my

**Printed by:** FxsigmaTechnology

## DARI MEJA EDITOR

Assalamualaikum wbt & Salam 1Malaysia

Salam sejahtera kepada semua dan selamat bertemu kembali dalam Buletin Perpustakaan keluaran Julai-September 2014. Buletin kali ini memuatkan aktiviti-aktiviti menarik yang berlaku sepanjang Julai-September 2014.

Sebuah lagi sejarah telah dicipta apabila pada tanggal 30 September 2014, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah dengan rasminya telah dimasyhurkan. Lebih membanggakan apabila majlis pemasyhuran itu disempurnakan oleh Tunku Temenggung Johor, Tunku Idris Iskandar.

Sesungguhnya peranan perpustakaan masa kini sangat besar dan mencabar dalam mencapai hasrat untuk mewujud serta menyuburkan eko-sistem keilmuan di UTM. Dengan pemasyhuran ini membuktikan sokongan dan usaha yang telah dijalankan oleh Perpustakaan UTM selama ini diakui antara faktor penentu kejayaan mencapai hasrat tersebut. Dari itu, pembangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah ini adalah bukti komitmen dan pengiktirafan pengurusan UTM terhadap kepentingan Perpustakaan dalam memartabatkan budaya keilmuan di UTM dan masyarakat sekitarnya. Penubuhan perpustakaan ini juga boleh menjadi pemangkin kepada pembentukan gedung ilmu yang dapat dioptimumkan penggunaannya bagi peningkatan tahap ilmu pengetahuan masyarakat UTM serta masyarakat am di sekitarnya.

Kini seluruh warga UTM mampu berbangga dengan sebuah bangunan baru yang menjadi mercu tanda universiti. Dengan persekitaran dan kemudahan yang kondusif serta perkhidmatan yang profesional diharapkan perpustakaan ini dapat digunakan secara optimum bagi mendukung proses pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan serta penerbitan.

Akhir kalam, semoga dengan pemasyhuran Perpustakaan Raja Zarith Sofiah ini akan menyuntik semangat masyarakat agar dapat memanfaatkan perpustakaan ini bagi melahirkan generasi rakyat Malaysia yang berpengetahuan dan menjadikan budaya ilmu sebagai sebahagian cara hidup.

## QUOTES ABOUT KNOWLEDGE

"Education consists mainly of what we have unlearned." - Mark Twain

"Learning is not attained by chance, it must be sought for with ardor and attended to with diligence." - Abigail Adams

## Sambungan dari mukasurat 1....


Perpustakaan ini yang mula beroperasi pada September 2014 merupakan sebahagian daripada pembangunan Rancangan Malaysia ke-9 di Universiti Teknologi Malaysia. Berkeluasan 8,250 meter persegi, bangunan ini berupaya menampung kapasiti seramai 2,000 orang dalam satu-satu masa. Perpustakaan setinggi empat tingkat ini mampu memuatkan sehingga 500,000 buah bahan bercetak bagi memenuhi keperluan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan penerbitan bertaraf dunia. Seiring dengan itu Perpustakaan Raja Zarith Sofiah ini dilengkapi dengan kemudahan ICT dan maklumat digital yang lengkap dan kemudahan pengaksesan maklumat melalui perkhidmatan internet yang cepat dan cekap.

Di sini juga terdapat Galeri Penyelidik yang memaparkan data dan maklumat bagi hasil kejayaan penyelidikan oleh penyelidik tersohor UTM. Ia bagi menghargai ketokohan serta sumbangan penyelidik UTM dalam pengkayaan ilmu pengetahuan untuk kebaikan sejagat. Galeri ini adalah hasil usaha pihak perpustakaan UTM dalam mengurus data penyelidikan atau juga dikenali sebagai ‘Research Data Management’ dalam kalangan penyelidik di UTM. Buat pertama kalinya, Galeri Penyelidik di Perpustakaan Raja Zarith Sofiah ini memaparkan ketokohan Prof. Ahmad Fauzi bin Ismail yang merupakan penyelidik terkemuka yang telah banyak menyumbang kepada penyelidikan di Malaysia dan juga di peringkat dunia. Di samping itu, di Perpustakaan ini juga terdapat Galeri Raja Zarith Sofiah yang merupakan sebuah galeri istimewa yang menyimpan koleksi hasil karya dan koleksi peribadi Yang Mulia Raja Zarith Sofiah. Koleksi di galeri ini sangat bermakna dan membuktikan bahawa Tuanku begitu rapat dan mencintai budaya keilmuan melalui sumbangan buku tersebut yang boleh dikongsi bersama masyarakat UTM dan sekitarnya.



[ Lagi gambar menarik di ms 4&5 ]

## UTM INSTITUTIONAL REPOSITORY (UTM-IR) MAINTAINED ITS TOP POSITION IN MALAYSIA



The Ranking Web of World Repositories has positioned UTM-IR at 82nd in Top Institutional and the first place among Malaysian web institutional repositories for the July 2014 ranking. USM-IR and UPM-IR closely trailed in number 2 and 3, respectively.

## BOOKS DONATION FOR UTM READING STATIONS

Got books, magazines and other reading materials you no longer used? Don't throw them out, we'll pick them up!

We welcome any usable reading materials in good condition. This includes fiction, non-fiction, craft books, textbooks, magazines, comics and more! Please keep us in mind when you are decluttering your home or office, and give the gift of reading to others.

For more information on Book Donation, please contact Mrs. Junaideh Abdullah at 07-5530043 or email ja@utm.my



## EASILY CONNECT TO SUBSCRIBED DATABASES WITH EZPROXY!



EzProxy is an online authentication service to access databases subscribed by the UTM Library. EZproxy ensures that you have easy access to all subscribed library resources available to you from anywhere at anytime. In order to login successfully via EZproxy, you must have a valid university Academic Computing ID (ACID) username and password. You will need to type in your ACID account when the following authentication web page is displayed. Should you need assistance to retrieve your ACID account information, please visit <http://acid.utm.my/checkacid.php>.

EZproxy ensures that you have easy access to all the licensed library resources available to you, based on your group affiliations and your current network location.



SEKITAR MAJLIS PEMASYHURAN PERPUSTAKAAN RAJA ZARTH SOFIAH





## SEKITAR MAJLIS PEMASYHURAN PERPUSTAKAAN RAJA ZARTH SOFIAH





## AKTIVITI PERPUSTAKAAN SEPANJANG JULAI-SEPTEMBER 2014

*Gotong royong perpindahan ke PZS – 15 September*



*Lawatan dari perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Pada 27 Ogos 2014*



*Lawatan dari staf UNIMAP - 25 Jun*



*Lawatan Sekolah Agama JB – 19 Jun*





Lawatan Pelajar UiTM ke PRZS



Kursus UITMShare – 26 Ogos

## AKTIVITI PERPUSTAKAAN SEPANJANG JULAI-SEPTEMBER 2014



Surveillance Audit oleh pihak SIRIM 23-24 Jun



Lawatan Pensyarah UiTM – 6 September



Program K-Sharing - 28 Ogos



Pameran Promosi Perpustakaan  
3 September



# SEKITAR MAJLIS PEMASYHURAN PERPUSTAKAAN RAJA ZARTH SOFIAH

## GALERI RAJA ZARTH SOFIAH PAPAR KOLEKSI PERIBADI UNTUK TATAPAN UMUM

Sempena pemasyhuran bangunan Perpustakaan Raja Zarif Sofiah, Tunku Idris Shah telah turut berkenan melawat ke Galeri Raja Zarif Sofiah di aras 2 perpustakaan.

Galeri DiRaja ini merupakan ruang istimewa yang menempatkan koleksi peribadi DYMM Raja Zarif Sofiah, Tuanku Canselor UTM keempat.

Berkeluasan 40x26 kaki persegi, Galeri DiRaja ini menempatkan 2599 judul dan 2657 naskah bahan yang terdiri dari buku koleksi peribadi, album, catatan jurnal peribadi, koleksi CD dan DVD. Kecintaan terhadap ilmu pengetahuan dan kepercayaan terhadap Universiti Teknologi Malaysia telah mendorong YM Raja Zarif Sofiah menyerahkan koleksi kesayangan untuk dikongsi bersama dengan masyarakat umum sebagai khazanah ilmu yang boleh dikongsi bersama masyarakat.



## RESEARCH DATA MANAGEMENT (RDM) - INOVASI BARU PERPUSTAKAAN UTM

Perpustakaan UTM berbangga kerana telah berjaya mewujudkan satu lagi platform perkongsian maklumat penyelidikan yang dapat dimanfaatkan oleh dunia akademik negara. Usaha ini telah dimulakan sejak awal tahun 2014 dengan tumpuan kepada mengumpul dan membina platform yang dikehendaki. Hasilnya, semasa pemasyhuran Perpustakaan Raja Zarif Sofiah pada 30 September 2014, usaha ini dapat dipertontonkan kepada umum. Research Data Management adalah konsep pengurusan dan penyusunan data, daripada awal permulaan penyelidikan sehingga ke proses penyebaran dan penyimpanan hasil penemuan sesuatu



penyelidikan yang dijalankan. Buat permulaan, RDM Showcase ini telah mengenengahkan hasil penyelidikan Prof. Dr. Ahmad Fauzi Ismail yang telah menerima Anugerah Merdeka 2014 di samping menghimpunkan koleksi hasil penyelidikan, anugerah dan pingat yang diperolehi oleh beliau. Perpustakaan UTM berhasrat untuk mengenengahkan lebih ramai penyelidik UTM dalam showcase ini di masa akan datang dengan wujudnya sebuah muzium khas yang menempatkan himpunan hasil penyelidikan penyelidik UTM. Perpustakaan percaya usaha ini dapat menonjolkan impak perpustakaan kepada pembangunan Universiti amnya dan negara khususnya.

## PAMERAN TOKOH PENYELIDIKAN UTM TONJOL KEHEBATAN PENYELIDIK UTM

Pameran berbentuk poster dan model ini menampilkan 22 orang tokoh penyelidikan UTM yang telah mendapat penganugerahan terulung dalam pembangunan, penyelidikan dan inovasi. Hasil usaha dan kerja mereka diiktiraf dan telah memberi impak yang signifikan lagi positif kepada negara dan masyarakat sekaligus kejayaan peribadi serta sumbangan kepada pembangunan komuniti sejagat.



Pada 30 September 2014 sempena pemasyhuran Perpustakaan Raja Zarif Sofiah, pameran berkenaan telah menonjolkan Tokoh Merdeka Award iaitu Prof Dato' Dr. Zaini Ujang (2009), Prof Datuk Dr. Halimatur Hamdan (2009), Tun Dr. Fatimah Hashim (2009), Tan Sri Dato' Dr. Yahya Awang (2013) dan Prof. Dr. Ahmad Fauzi Ismail (2014). Pameran Tokoh Penyelidik pula menghimpunkan seramai 10 orang tokoh yang terdiri dari Prof. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Prof. Dr. Zainuddin Abdul Manan, Prof. Dr. Tharek Abd Rahman, Prof. Dr. Nor Aishah Saidina Amin, Prof. Dr. Zulkifli Yusof, Prof. Dr. Eko Supriyanto, Prof. Dr. Ibrahim Ngah dan Prof. Dr. Wan Azlina Ahmad.

Pameran Tokoh Alumni pula membariskan seramai 7 orang tokoh iaitu Y.B. Datuk Ir. Dr. Wee Ka siong, dr. Lim Min Teong, Tuan Haji Ali Hassan Mohd Hassan, dato' Ir. Chew Choong seong, Prof. Emeritus Dato' Ir. Dr. Zainai Mohamed, Prof. Emeritus Dato' Dr. Abu Azam Md Yassin dan Dato' Yusof A. Bakar.

# THIS IS WHERE YOU LEARN TO LEARN

UTM Library is a place to learn, and not just through books. We provide wide range of services such as classes and workshops on topics such as references, using our online databases and looking for a specific type of information. All these are to help you study better!

## LIBRARY SKILL CLASSES


The Library offers free classes for all students at various times during semester. Some classes are arranged by the academic, while some are conducted on request. Watch out for our training sessions covering topic such as building your researching skills with various techniques and tools, utilizing our Library printed and online collection, Endnote bibliographic management software and much more. To find out what's on, check the Library website at [library.utm.my](http://library.utm.my)



## MINGGU MESRA MAHASISWA@UTM KUALA LUMPUR

UTM Kuala Lumpur has received a total estimation of 200 students for degree program during their Orientation Week or it is formally known as Minggu Mesra Mahasiswa (MMM) which was held from 31st August until 4th September 2014.

For the 2014/2015 session, the Degree students were accepted to faculties such as UTM Razak School of Advanced Technology and Malaysia-Japan International Institute of Technology (MJIT). During the library visit, the students were given brief information on the services and facilities that are offered by UTM KL Library. The students were also required to attend the Basic Library Information Skills Classes conducted by a librarian as a requirement for one of their programme.



## E-RESOURCES

To find reliable and scholarly information on specific topic, you can explore the Library's electronic resources such as bibliographic databases, full text journal and e-books. Search the Summon discovery service to find online journal articles and book chapters in your subject.

## SUMMON @ UTM

Summon@UTM is a one stop search for all UTM subscribed databases. It allows you to search for e-journals or e-books on any topic across multiple platforms such as ScienceDirect, Proquest, Emerald, Scopus, Web of Science and much more.



## BORROWING FROM OTHER LIBRARIES

Cannot find what you are looking for? If UTM Library does not have the item you require, you may able to request or borrow it from other libraries through Interlibrary Loan (ILL) service. Requests can be submitted online via [library.utm.my](http://library.utm.my).

## ACCESSIBILITY TO UTM LIBRARY

UTM Library aims to make our resources and services accessible to all Library users. Please do not hesitate to contact Library staff should you need assistance in using the Library. We welcome your feedback and suggestions to improve our services.

## THE FACULTY LIBRARIES

UTM Faculty Libraries provide conducive environment for studying and learning. Additionally, these libraries hold specialised collection on fields and subjects according to its faculty. Feel free to visit our 11 Faculty Libraries located throughout UTM Johor Bahru.

## LAWATAN PENANDA ARAS KE FAKULTI SEKITAR UTM DAN UKM JAMIN PENINGKATAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

Dialog Perpustakaan UTM bersama fakulti UTM Johor Bahru telah dilaksanakan dari bulan Ogos 2014 hingga September 2014 dengan matlamat untuk meningkatkan hubungan dua hala di antara fakulti di UTM dan perpustakaan bagi memastikan maklumat dan data terkini dapat disalurkan secara terus kepada fakulti dengan tepat dan telus. Sesi jaringan ilmu ini melibatkan Timbalan Ketua Pustakawan (Perkhidmatan) dan Ketua Bahagian Perkhidmatan Maklumat & Penyelidikan serta Pustakawan Kanan.

Dialog ini menumpukan kepada perkhidmatan maklumat am perpustakaan meliputi peruntukan pembelian buku, jurnal dan agihan kepada fakulti, kaedah cadangan pembelian, perkhidmatan tuntutan melalui vot penyelidikan, kelas kemahiran perpustakaan dan peminjaman keseluruhan mengikut fakulti. Dialog juga memfokuskan kepada Data Penerbitan UTM yang melibatkan penggunaan RADIS, polisi penerbitan dan permohonan insentif.

Perpustakaan amat berharap sesi sebegini menjadi platform yang memberi impak signifikan kepada semua fakulti di UTM agar peka dengan perkembangan semasa perkhidmatan yang ditawarkan oleh perpustakaan dalam usaha menyokong proses pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan.

Sementara itu pada 14 Ogos 2014, satu lawatan telah dilakukan ke Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan Siber



@PTSL, Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia. Dengan matlamat untuk mendalami kaedah yang diguna dalam mengurus data penerbitan staf akademik di sesebuah universiti, mengenalpasti persediaan dalam menangani keperluan Kementerian Pelajaran Malaysia dan perbincangan berkaitan polisi penerbitan, insentif penerbitan, proses kerja, keperluan kemahiran staf dan sistem aplikasi yang digunakan telah berjaya mencapai objektifnya.

Perpustakaan merancang perbincangan dua hala seterusnya yang akan menjadi medan perkongsian ilmu dan idea yang amat berguna untuk diaplikasikan di Perpustakaan UTM di samping menambahbaik proses kerja penerbitan dan yang berkaitan.



## REKABENTUK MENARIK PRZS TARIK MINAT PELAJAR UITM - PLANNING & DESIGN OF INFORMATION CENTRE

Pada 19 Oktober 2014 (Ahad), seramai 28 orang pelajar dan seorang Pensyarah Kanan iaitu Encik Mohd Zaihan Bin Hussin dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM, Puncak Perdana telah mengadakan satu Lawatan Akademik ke PRZS. Ianya sebagai memenuhi syarat kaedah pengajaran dan pembelajaran untuk kursus IML 656-*Planning and Design of Information Centre*. Ini merupakan kumpulan pertama yang julung-julung kali membuat lawatan ke PRZS semenjak Majlis Pemasyhuran yang dilakukan oleh Tunku Temenggong Johor, Tunku Idris Sultan Ibrahim pada 30 September 2014. Taklimat ringkas mengenai perkhidmatan yang disediakan dan jenis koleksi yang



terdapat di PRZS telah diberikan oleh Ketua Bahagian Perkhidmatan Maklumat, Penyelidikan dan Sirkulasi, Puan Noraini Yahya. Timbalan Ketua Pustakawan PRZS, Puan Nor Asikin Mohamad juga telah memberi penerangan

terperinci mengenai rekabentuk PRZS. Sesungguhnya lawatan dan kunjungan sebegini telah dapat memanfaatkan ilmu dan memberi impak positif kepada



proses pengajaran dan pembelajaran kepada semua yang terlibat.

## SESI PERKONGSIAN ILMU

### PERKONGSIAN ILMU INOVASI OLEH NAIB CANSELOR PADA 28 SEPT. 2014 - HOW STELLA SAVED THE FARM: A TALE ABOUT MAKING INNOVATION HAPPEN BY VIJAY GOVINDARAJAN AND CHRIS TRIMBLE

Bertempat di Dewan Senat UTM Johor Bahru. Naib Canselor, Prof. Ir. Datuk Wahid Omar telah mengulas buku ini. Beliau menegaskan bahawa buku ini bukan sahaja mampu memberi anjakan padigma untuk mengenal pasti isu berkaitan pembangunan modal insan, malah membolehkan pemindahan maklumat dan perkongsian teknologi bagi membantu organisasi secara lebih berinovasi. Selaku Universiti Penyelidikan, amatlah signifikan untuk menangani isu inisiatif inovasi untuk kecemerlangan organisasi dengan memberi tunjuk ajar untuk memilih kaedah terbaik dan belajar secara pantas dari kesilapan yang berlaku.

Perkongsian ilmu ini cukup signifikan dalam senario universiti ke arah usaha memastikan pembangunan modal insan berinovatif.



### MY RESEARCH EXPERIENCE OLEH PROF. DR. AHMAD FAUZI ISMAIL PADA 24 SEPTEMBER 2014



Program Perkongsian Ilmu ini telah berlangsung di Dewan Senat UTM Johor Bahru. Prof. Dr. Ahmad Fauzi Ismail telah berkongsi mengenai pengalamannya menjalankan penyelidikan sepanjang bertugas di UTM sehingga beliau berjaya meraih Anugerah Merdeka pada Ogos 2014.

Sejarah penyelidikannya bermula sejak beliau menamatkan pengajian dari UTM pada tahun 1989, kemudian memperolehi sarjana dalam bidang kejuruteraan kimia dengan pengkhususan dalam bidang teknologi membran pada 1992. Ini diikuti dengan ijazah kedoktoran dalam pengkhususan yang sama dari University of Strathclyde pada 1997.

Penyelidikannya memfokus dalam teknologi membran sekaligus meletakkan teknologi membran ke tahap yang penting kepada negara walaupun teknologi ini masih baru di negara ini, tetapi jelasnya, ia berupaya menyumbang dalam pembangunan kemanusiaan.

Dalam sesi sepanjang dua jam itu, beliau telah sudi berkongsi pengalaman dan beliau yakin penggunaan teknologi membran dalam industri gas dan petrol kimia dapat menjimatkan penggunaan kos sehingga 30 peratus.



### PUBLIC LECTURE "CONCEPTS AND OPPORTUNITIES IN SUSTAINABLE FUTURE WASTE MANAGEMENT" OLEH DR. HARRIE HOFSTEDE PADA 28 OGOS 2014

Perkongsian Ilmu oleh Dr. Harrie Hofstede dari Australia ini telah berlangsung di Bilik Seminar 3, Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah pada 29 Ogos 2014. Program ini adalah kerjasama dengan Sustainable Research Alliance (SRA) UTM. Dr. Hofstede merupakan pakar dalam bidang kejuruteraan bio-alam sekitar dan mempunyai lebih 25 tahun pengalaman dalam bidang pengurusan sisa.


Program yang sangat menarik ini memberi peluang kepada seluruh warga kampus khasnya untuk mendapat pendedahan serta berkongsi maklumat berkaitan pengurusan sisa. Pengurusan sisa meliputi semua peringkat bermula dari proses kutipan, pengangkutan, pelupusan, kumbahan dan lain-lain hingga kepada pengendalian bahan buangan yang betul, penyelenggaraan dan kemudahan pelupusan termasuklah pematuhan kepada peraturan kesihatan, keselamatan dan alam sekitar.

Memahami dan mengetahui dengan jelas peranan kita sebagai penyumbang kepada penghasilan sisa diharap akan dapat membantu merealisasikan impian pelestarian alam sekitar untuk diwarisi oleh generasi akan datang.

## PERPUSTAKAAN RAJA ZARITH SOFIAH SERVICES

Perpustakaan Raja Zarith Sofiah (PRZS), Universiti Teknologi Malaysia is a world class, research-centric library. Among the facilities and services provided are:

- Research Support Consultation
- Reference Materials
- Provision of extensive digital collection
- Repository of UTM Publications
- Numerous special collections and theses, whether in print or digital
- Reference Service
- Seminar rooms equipped with audio-visual equipment
- Executive Meeting Room and the Main Meeting Room
- Discussion Room for students and researchers
- Carrel Room
- Database Reference Room
- Information Searching Laboratory
- Media Room equipped with audio visual equipment
- Research Data Management: Showcase
- Hybrid Auto Sorting System
- Musolla
- Toilet facilities at each level



*Come down and visit us today!*

## KOLEKSI TESIS DAN KOLEKSI KHAS UTM KINI DI PERPUSTAKAAN RAJA ZARITH SOFIAH

Projek perpindahan koleksi tesis dan koleksi Khas UTM telah sempurna dilaksanakan dari 7 September hingga 17 September 2014. Perpindahan ini melibatkan staf dari Unit Pengurusan Koleksi dan juga bantuan dari staf dari bahagian lain di perpustakaan.

Projek perpindahan kali ini melibatkan hampir 30.000 naskhah tesis yang di pindahkan ke PRZS berserta dengan rak untuk menyusun tesis berkenaan.

Bagi pihak Perpustakaan, terima kasih diucapkan kepada semua staf yang komited menyiapkan tugas yang telah diberi mengikut tempoh yang diberi. Kini, rujukan Tesis di PRZS telah dibuka kepada umum mulai 14 Oktober 2014.

## UCAPAN TAHNIAH KENAIKAN PANGKAT STAF PERPUSTAKAAN

Dengan bangganya seluruh warga Perpustakaan UTM mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kenaikan pangkat kepada staf perpustakaan pada Majlis Perhimpunan Naib Canselor pada 1 Oktober 2014. Semoga dengan perlantikan ini memberi suntikan semangat untuk lebih aktif dan berkerjasama dalam menyumbangkan idea dan tenaga dengan penuh dedikasi serta dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam meneruskan kesinambungan meningkatkan usaha bagi mencapai kecemerlangan Perpustakaan UTM secara keseluruhannya.

Diharapkan juga semua staf dapat memberikan kerjasama yang optimum dan sokongan yang sepenuhnya dalam semua urusan dan tugas kepada mereka yang dilantik ini bagi mencapai misi dan visi fakulti. Tahniah!



Bil.	Nama	Kenaikan Pangkat (Jawatan Baru)
1	Anuar Talib	Timbalan Ketua Pustakawan Gred S54
2	Nor Asikin Mohamad	Timbalan Ketua Pustakawan Gred S52
3	Kamariah Mohamed Jong	Timbalan Pustakawan Gred S48
4	Nik Masriza Nik Zakaria	Timbalan Pustakawan Gred S48
5	Khairulbahiyah Yaakub	Pustakawan Gred S44
6	Mohd Fuad Mohamed Yusof	Pustakawan Gred S44